

<input checked="" type="checkbox"/> Utusan Malaysia
<input type="checkbox"/> Mingguan Malaysia
Tarikh: 9/11/2011
Hari: Rabu MS: 30
Ruangan: HCEO Kampus

150 sertai kursus sembelih haiwan

KUBANG PASU 8 Nov. - Seramai 150 peserta mengikuti kursus penyembelihan haiwan anjuran Pusat Islam, Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah (JHEAIK) baru-baru ini.

Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan JHEAIK, Sheikh Lokman Ishak berkata, kesemua peserta yang menyertai program ini menyertai ceramah, penerangan dan bimbingan dalam melakukan penyembelihan.

"Program sehari yang meliputi

amali dan praktikal ini juga menyaksikan peserta melakukan penyembelihan kambing, ayam dan itik yang dibimbing oleh pegawai JHEAIK.

"Mereka yang menyertai kursus ini terdiri daripada pelajar Kolej Pertanian Malaysia, kakitangan UUM dan masyarakat setempat," katanya.

Menurutnya, kesemua peserta yang berjaya menamatkan kursus tersebut akan menerima sijil yang disahkan oleh JHEAIK.

Dalam pada itu, beberapa peserta yang ditemui pula melahirkan rasa

gembira kerana berpeluang menyertai kursus yang berfaedah itu.

Pelajar Kolej Pertanian Malaysia, Mohd. Khairul Azmi Ithnin, 19, berkata, generasi muda seharusnya mempelajari dan mengamalkan kursus seperti ini bukan sahaja untuk diri sendiri malah mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

Kakitangan UUM, Saiful Nizam Saidon, 28, pula berkata, kursus itu diharap dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dan menjalinkan hubungan antara masyarakat setempat.